



Mempelajari bahasa Arab membantu umat Islam mendalami ibadah sehari-hari. [GAMBAR HIASAN]

## Kelebihan kuasai bahasa Arab

**Penting dalam ibadah, komunikasi peringkat antarabangsa**

Bahasa Arab adalah antara bahasa antarabangsa yang semakin terkenal dan dipelajari di serata dunia masa kini. Ia antara bahasa tertua di dunia daripada keluarga Semitik yang masih kekal digunakan hingga sekarang dan mula digunakan sebagai salah satu bahasa rasmi di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sejak 1974.

Penggunaannya telah merentasi benua asalnya di Timur Tengah menjangkau benua Asia, Amerika Utara dan Amerika Latin. Penuturnya pula tidak lagi terhad dalam kalangan bangsa Arab bahkan turut dituturkan oleh pelbagai bangsa di dunia bagi pelbagai tujuan.

Menurut Ethnologue, pada ketika ini terdapat kira-kira 6,912 bahasa yang dituturkan di seluruh dunia. Di antaranya terdapat 10 bahasa utama dan bahasa Arab mendapat tempat kelima dengan jumlah penutur asli mencapai 300 juta orang.

Jika jumlah penuturnya dicampurkan dengan penutur bukan aslinya, maka sudah pasti jumlah itu bertambah berkali ganda di seluruh dunia merangkumi penganut Islam dan bukan Islam.

Bagi masyarakat Islam, bahasa Arab mempunyai kedudukan istimewa kerana dipilih menjadi bahasa pengantara bagi membawa mesej Islam. Selain itu, semua amal ibadah umat Islam tidak terlepas daripada penggunaan bahasa Arab, malah menjadi syarat sesuatu ibadah itu diterima seperti ibadah solat dan haji.

Hal ini menjadikan bahasa Arab amat sinonim dengan Islam dan umatnya. Bahasa Arab dipercayai datang ke Tanah Melayu bersama Islam dan mula diajar serta dipelajari secara teratur melalui sistem pengajian pondok dalam abad ke-19 hinggalah sekarang.

Kini, bahasa Arab tidak lagi dipelajari oleh pelajar di sekolah aliran agama semata-mata, bahkan menembusi pelbagai peringkat pendidikan formal sama ada pada peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah mahupun kolej dan universiti.

Dari sudut ibadah, bahasa ini membantu pelajar memahami dan mendalami bahasa Arab yang digunakan dalam ibadah harian seperti bacaan solat, doa, wirid dan ibadah lain.

### Fahami, hayati ayat al-Quran

Kelebihan mempelajari dan mengenali struktur nahu Arab secara teori dan praktikal berserta latihannya dapat menjadikan pelajar mampu memahami serta menghayati ayat suci al-Quran, bacaan dalam solat, doa, wirid, zikir dan sebagainya.

Jika kita semua dapat bersusah payah mempelajari bahasa antarabangsa utama seperti bahasa Inggeris, Perancis, Korea, Jepun, Sepanyol dan lain-lain dengan pelbagai tujuan formal atau tidak formal, kita juga perlu memperuntukkan tenaga dan masa mempelajari Bahasa Arab iaitu bahasa perantaraan Allah SWT kepada sekalian umat manusia.

Kepelbagaian bangsa dan bahasa umat Islam di seluruh dunia menjadi asas utama perlunya usaha mempelajari bahasa Arab untuk penggunaan profesional dan komunikasi antarabangsa seperti bidang penterjemahan, perniagaan, hubungan diplomatik, penyiaran serta media massa.

Jemaah haji dan umrah juga perlu didedahkan sedikit sebanyak maklumat pembelajaran bahasa Arab sebelum berangkat ke Tanah Suci supaya dapat berkomunikasi walaupun sekadar peringkat asas seperti mem-

beli-belah, memahami tunjuk arah, bertanya khabar, membaca papan tanda serta urusan pos.

### Elak ditipu urusan jual-beli

Keperluan menguasai bahasa Arab dalam peringkat asas juga penting supaya jemaah haji dan umrah dapat mengelakkan diri daripada tertipu ketika urusan jual-beli. Selain itu, tidak semua peniaga di sana yang dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik untuk berkomunikasi.

Dari sudut ekonomi dan pelancongan, Malaysia adalah negara Islam yang terkenal dengan pelbagai produk 'patuh syariah' seperti perbankan Islam, pendidikan, pertanian, perindustrian dan perkhidmatan perubatan. Justeru, bidang pelancongan sepatutnya mensasarkan kedatangan pelancong khususnya dari negara Arab untuk melihat model negara Islam yang progresif dan toleran dalam suasana berbilang bangsa.

Potensi Malaysia dalam sektor pelancongan tidak dinafikan lagi apabila negara kita sering mendapat pengiktirafan antarabangsa. Laporan Pertubuhan Pelancongan Dunia

“Potensi yang ada dalam kalangan pelajar dan institusi pengajian tinggi yang tawarkan kursus serta pembelajaran bahasa Arab dapat dimanfaatkan bagi tujuan pelancongan Islam dengan melatih pemandu pelancong yang mahir berkomunikasi gunakan bahasa Arab”

Bangsa-bangsa Bersatu (UNWTO) tahun 2009 meletakkan Malaysia sebagai negara ke-9 yang patut dilawati pelancong, naik daripada tangga ke-11 sebelum ini.

Lonely Planet pula meletakkan Malaysia antara 10 negara yang baik untuk dilawati. Justeru, bersesuaian dengan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara Islam, maka sudah sepatutnya negara kita memanfaatkan bidang pelancongan untuk umat Islam yang hampir mencapai 1.6 bilion di seluruh dunia.

Potensi yang ada dalam kalangan pelajar dan institusi pengajian tinggi yang menawarkan kursus serta pembelajaran bahasa Arab dapat dimanfaatkan bagi tujuan pelancongan Islam dengan melatih pemandu pelancong yang mahir berkomunikasi menggunakan bahasa Arab.

Pada masa kini, terdapat banyak institusi pengajian tinggi awam menawarkan program pengajian bahasa Arab seperti di Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan lain-lain lagi.

Kerajaan melalui Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dapat memanfaatkan kepakaran di institusi pengajian tinggi serta bekerjasama bagi mengoptimalkan potensi graduan bahasa Arab dalam sektor pelancongan Islam.

Pada masa sama turut meneroka bidang berkaitan seperti media masa, perniagaan, komunikasi antarabangsa supaya bidang itu tidak terhad untuk terjemahan, keagamaan dan profesion perguruan sekolah semata-mata.



### Penulis

ialah Ketua Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).



DR MUHAMMAD SABRI SAHRIR